

Publication: BH
Edition: NA
Date: 31/01/2004
Page Number: 08
Headline: Malaysia masih bebas jangkitan selesema burung
Words: 461
By: Maizura Ismail

KUALA LUMPUR: Malaysia masih bebas daripada jangkitan selesema burung yang kini melanda beberapa negara Asia tetapi mereka yang mempunyai hubungan terus dengan penternakan ayam atau itik diberi amaran mengambil langkah berjaga-jaga.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata antara langkah itu ialah penggunaan peralatan perlindungan seperti topeng, sarung tangan, apron serta but, basuh tangan atau mandi dengan sabun sebelum keluar dari ladang ternakan selain melaporkan dengan segera jika ada kes kematian ayam.

"Sementara itu, penduduk Kedah, Perlis dan Kelantan dinasihatkan tidak membeli ayam murah. Ini kerana mungkin berlaku kejadian ayam seludup," katanya pada sidang media di pejabatnya, semalam.

Selain Malaysia, negara serantau lain yang bebas selesema burung ialah Brunei, Singapura dan Filipina. Jepun, China, Korea Selatan, Laos, Kemboja, Indonesia, Taiwan dan Pakistan mencatatkan kes dalam populasi ayam, manakala Vietnam mencatatkan jangkitan kepada manusia membabitkan lapan kematian manakala Thailand melaporkan dua kematian.

Selesema burung yang juga dikenali dengan Avian Influenza disebarkan melalui cecair badan dan hanya membabitkan jangkitan daripada ayam ke ayam dan ayam ke manusia. Ia tidak membabitkan risiko jangkitan manusia ke manusia.

Beliau yang baru pulang menghadiri mesyuarat antara Menteri Kesihatan dan Menteri Pertanian Asean di Bangkok bagaimanapun, menasihatkan rakyat supaya tidak terlalu bimbang dan berfikiran negatif mengenai selesema burung.

Chua berkata, jika wabak itu melanda negara, langkah awal yang perlu dilakukan ialah pemusnahan ternakan ayam dan itik secara menyeluruh di semua ladang ternakan di seluruh negara bagi memastikan ia tidak menjangkiti manusia.

Kementerian juga sudah mengarahkan hospital dan makmal perubatan bersiap sedia dalam menghadapi kemungkinan berlaku jangkitan wabak itu seperti melakukan diagnosis awal penyakit, kuarantin atau memantau kawasan yang dijangkiti.

Selain itu, katanya, Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) juga turut memantau santuari burung dan lokasi lain bagi mengesan sekiranya virus itu muncul berikutan punca wabak itu merebak dipercayai mungkin dibawa burung yang berhijrah.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata semua JPH negeri mengadakan pemantauan dan penyiasatan berterusan di ladang ternakan ayam, itik, kedai burung dan puyuh, tempat penetasan, pasar basah serta pusat penyembelihan ayam.

Katanya, sehingga semalam, 1,003 ladang dan premis berkenaan sudah dipantau dan dilawati. Pada masa sama, katanya, bilik gerakan di Ibu Pejabat JPH kini dibuka mulai jam 7 pagi hingga 8 malam setiap hari untuk membolehkan orang ramai membuat aduan mengenai sebarang kes selesema burung.

Sementara itu, Chua dalam sidang media itu juga berkata, kementeriannya akan mengadakan kempen imunisasi des kedua imunisasi demam campak secara besar-besaran kepada kepada semua kanak-kanak berusia antara tujuh hingga 15 tahun di seluruh negara, bagi membasmi penyakit berjangkit itu.

Katanya, kempen yang mensasarkan 4.5 juta kanak-kanak itu akan diadakan selama tiga bulan daripada April hingga Jun ini, sementara usaha mengelakkan keciciran akan diadakan selama tiga bulan sehingga September. Sebelum ini, hanya satu des imunisasi diberikan kepada bayi berusia sembilan bulan.